



AFANDI AHMAD (tengah) bersama dengan pelajar yang mengamalkan gaya hidup sihat menerusi program Jom Jalan di sekitar kampung sempena pelancaran konsep *Surau Lestari*, di UTHM, baru-baru ini.

Manfaatkan air lebih wuduk

MENERUSKAN kesinambungan aspirasi sebagai Kolej Kediaman Karbon Rendah, Kolej Kediaman Perwira Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengorak langkah dengan melancarkan konsep *Surau Lestari*, baru-baru ini.

Konsep *Surau Lestari* diangkat menerusi projek inovasi pelajar yang diilhamkan setelah melihat bagaimana setiap kali wuduk diambil, air lebihan wuduk terbiar begitu sahaja.

Menerusi kajian awal yang dilaksanakan oleh Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Perwira, sebanyak 2.86 liter air dibazirkan oleh seorang pelajar yang mengambil wuduk dan ini membawa kepada jumlah pembaziran mingguan, bulanan dan tahunan masing-masing sekitar 14.30 liter dan 5,391.60 liter.

Statistik ini jelas menunjukkan bahawa apa yang sedang diusahakan bagi mengelakkan pembaziran serta langkah-langkah penjimatatan boleh dilaksanakan.

Pengetua Kolej Perwira UTHM, **Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad** menzhirkkan rasa gembira dengan usaha yang diambil kerana bukan sahaja pelaksanaan ini selari dengan paradigma tauhid yang menjadi tunjang misi UTHM, malah aspek inovasi dan penyelesaian masalah harian ini adalah berkait rapat dengan penyelesaian masalah yang kompleks yang turut ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UTHM.

Menurut beliau, air lebihan wuduk para jemaah di Surau Kolej Perwira kini disalurkan kepada sebuah tangki yang kemudiannya ditapis dan dipam mengikut kadar masa yang tertentu untuk tanaman sayur-sayuran di sekitar kawasan surau.

"Pada masa kini terdapat dua jenis sayuran iaitu salad dan sawi yang mendapat manfaat daripada lebihan air wuduk ini.

"Dalam masa terdekat,

kejayaan kajian rintis ini akan mencadangkan untuk meningkatkan skala projek bagi membolehkan lebih banyak sayur-sayuran ditanam dan seterusnya dapat dipasarkan bagi tujuan penjanaan pendapatan kepada mahasiswa.

"Secara langsung, usaha ini bukan sahaja menajamkan kemahiran teknikal pelajar dalam menyelesaikan masalah sehari-hari tetapi juga meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam diri mereka selari dengan lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)," katanya.

Konsep *Surau Lestari* yang menjadikan lebihan air wuduk sebagai sumber yang boleh dimanfaatkan bersama aktiviti berjalan kaki adalah usaha yang luar biasa dan wajar dihargai.

Selain itu, kepimpinan Kolej Perwira bersama penghuni turut merealisasikan amalan gaya hidup sihat menerusi program Jom Jalan di sekitar kampung dan taman berhampiran.

Ini adalah acara tradisi yang telah diamalkan sejak tahun 2012 dalam usaha menzhirkkan semangat Kolej Kediaman Karbon Rendah mengamalkan gaya hidup ringkas tetapi berkualiti.

Dalam aktiviti ini penghuni bersama kepimpinan berjalan 5,322 langkah dalam tempoh hampir satu jam sambil berbual mesra dan mengabadikan kenangan menerusi acara bergambar bersama.



SALAD dan sawi yang tumbuh segar hasil saliran air, lebihan wuduk yang digunakan.